

## **Kaedah Pemulihan Akhlak Pelatih Juvana Menurut Perspektif Kaunselor: Satu Kajian Kes**

### ***Counseling Methods for The Moral Rehabilitation of Juvenile Trainees From a Counselor's Perspective: A Case Study***

Nazneen binti Ismail<sup>1\*</sup> & Muhammad Rizqeen bin Pauzi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), nazneen@uis.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Rizqeen@gmail.com.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

Selepas Pembetulan: 25 April 2026

Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

#### **Abstrak**

Isu peningkatan jenayah dalam kalangan remaja di Malaysia memerlukan pendekatan pemulihan yang berkesan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan kaunselor dalam membantu pemulihan akhlak pelatih juvana. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul melalui temu bual mendalam bersama seorang kaunselor berpengalaman yang bertugas di salah sebuah sekolah juvana. Analisis data dilakukan secara tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan strategi proses pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor mengaplikasikan tiga pendekatan utama iaitu (i) pendekatan psikologi moden melibatkan instrumen seperti inventori, *story-telling* dan terapi seni, (ii) pendekatan kerohanian seperti zikir, akidah dan ibadah serta (iii) pendekatan sosial dan empati yang menekankan pengendalian emosi. Pendekatan-pendekatan ini disesuaikan mengikut latar belakang dan keperluan setiap pelatih. Kajian ini menyimpulkan bahawa kepelbagaian pendekatan adalah kritikal bagi memastikan keseimbangan peribadi para pelatih yang menjalani pemulihan. Implikasi kajian ini penting bagi institusi pemulihan dalam membangunkan modul latihan yang holistik dan praktikal serta menyediakan panduan kepada kaunselor untuk meningkatkan keberkesanan intervensi mereka.

#### **Kata kunci**

Kaedah pemulihan akhlak, pelatih juvana, kaunselor, kajian kes, pendekatan kerohanian

#### **Abstract**

*This study addresses the issue of rising crime rates among Malaysian youth, which necessitates effective rehabilitation approaches. The primary objective is to identify a counselor's approach in assisting the moral rehabilitation of juvenile trainees. The research employed a qualitative case study design. Data was collected through an in-depth interview with an experienced counselor working at a juvenile school. The data was analyzed thematically to identify key strategies related to the rehabilitation process. The findings indicate that the counselor applies three main*

*approaches: (i) a modern psychological approach involving instruments such as inventories, storytelling, and art therapy; (ii) a spiritual approach including dhikr, aqidah, and ibadah; and (iii) a social and empathetic approach that focuses on emotional management. These approaches are tailored to the background and specific needs of each trainee. The study concludes that a diverse range of approaches is critical to ensuring the personal balance of trainees undergoing rehabilitation. The implications of this study are significant for rehabilitation institutions in developing holistic and practical training modules and providing guidance to counselors to enhance the effectiveness of their interventions.*

**Keywords**

*Moral rehabilitation methods, juvenile trainees, counselor, case study, spiritual approach*

**1.0 Pengenalan**

Jenayah juvana merujuk kepada perlakuan jenayah yang dikaitkan dengan penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial dan membimbangkan semua pihak. Ia merupakan satu daripada isu sosial yang penting kerana golongan ini mampu melakukan jenayah berat. Walau bagaimanapun mereka masih belum boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya disebabkan oleh faktor usia, sepertimana di bawah Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) ditafsirkan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun (Syed Muhsin & Azlini, 2025).

Menurut seksyen 97, hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap remaja yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan. Hal ini bertepatan dengan Artikel 37 Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak yang melarang hukuman mati dan penjara seumur hidup dikenakan terhadap pesalah kanak-kanak. Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah akan memerintahkan supaya pesalah kanak-kanak itu ditahan dipenjara selama yang diperkenankan oleh: (a) Yang Di Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau (b) Raja atau Yang di Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu (Syed Muhsin & Azlini, 2025).

Ini disebabkan jika jenayah juvana tidak dibendung ia menjadi penyumbang kepada peningkatan indeks jenayah di Malaysia dan boleh memberi kesan kepada pembangunan sosial, modal insan dan kesejahteraan negara. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya jenayah ini adalah kekeluargaan, tahap ekonomi keluarga, kualiti hubungan kejiwaan, persekitaran infrastruktur dan kemudahan ke kawasan kediaman, rakan, isu sekolah dan keciciran pelajaran, kurang penerapan spiritual, faktor teknologi maklumat/ gajet/ media sosial dan faktor sendiri (Nik Hasnaa et al. 2017).

Justeru, remaja yang disabitkan dengan kes juvana ini akan dihantar ke sekolah-sekolah pemulihan seperti Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti bagi memastikan keselamatan mereka dan memberikan pemulihan agar dapat kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warga negara yang berguna dan produktif. Di sekolah pemulihan ini, Jabatan Penjara Malaysia telah merangka dan menyediakan satu program pemulihan yang bersesuaian dengan keadaan semasa mereka. Program tersebut ialah

Pelan Pembangunan Insan yang mempunyai empat fasa utama; Orientasi, Pengukuhan Sahsia, Kemahiran dan Pra Bebas (Syed Bidin & Mohd Yusof, 2008).

Program-program ini dilaksanakan dengan bantuan kakitangan di sekolah dan pusat pemulihan tersebut. Hubungan kakitangan-pelatih merupakan perkara yang penting atau diibaratkan sebagai nadi dalam proses pemulihan seseorang individu sepanjang berada di institusi. Kajian Laila dan Nazirah (2020) membuktikan bahawa hubungan yang sederhana antara kakitangan dan pelatih menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelatih. Sebaliknya, kestabilan organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesejahteraan pelatih juvana di pusat pemulihan. Keberkesanan sesebuah pengurusan pusat pemulihan boleh dilihat sekurang-kurangnya melalui tiga keadaan iaitu kawalan persekitaran pusat pemulihan, kecekapan dalam memastikan keselamatan peribadi, serta kualiti dalam aspek keteraturan dan ketelusan ketika menyampaikan perkhidmatan dan membuat keputusan (Hassan & Ibrahim 2021).

Oleh kerana kaunselor merupakan kakitangan penting dalam institusi pemulihan, maka peranan dan pendekatan yang digunakan oleh mereka perlu diberi perhatian yang khusus. Ini disebabkan oleh kaunselor bertanggungjawab untuk mengubah pemikiran dan pelakuan seseorang itu menjadi lebih baik dengan mengaplikasikan kaedah ataupun pendekatan yang bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi pelatih (Mohamed Shariff et al., 2003). Kaunselor juga dilihat sebagai "*student advocate*" ataupun sebagai individu yang rapat dengan mereka. Justeru, melalui kaunselor juga seseorang itu boleh berunding mengenai masalah yang dihadapi mereka secara terbuka ataupun secara peribadi (Stickel, 1991). Menurut perspektif Islam pula, kaunselor juga merupakan guru yang bertanggungjawab dalam pembangunan akhlak (*murabbi*) dan bertanggungjawab dalam menerapkan adab, iaitu disiplin dalam pemikiran, fizikal serta rohani (*muaddib*) (Mohamed Shariff et al., 2023). Oleh yang demikian, kaunselor memainkan peranan penting dalam memulihkan akhlak pelatih di samping memberikan bimbingan moral dan kaunseling kepada mereka serta turut fokus kepada pemulihan tingkah laku yang terbaik. Kaunselor juga digalakkan mempelbagaikan pendekatan yang kreatif serta proaktif untuk menarik minat pelatih agar sesuatu seminar ataupun program itu dilaksanakan dengan berkesan (Mohd Subhan, et al., 2014). Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti pendekatan kaunselor dalam membimbing pelatih juvana dalam memperbaiki akhlak mereka.

## 2.0 Sorotan Literatur

Sorotan literatur bagi kajian ini tertumpu kepada tiga aspek iaitu pelatih juvana, peranan kaunselor dan program pemulihan pelatih juvana

### 1. Pelatih Juvana

Terdapat pelbagai faktor remaja terjebak dengan juvana telah dikenal pasti. Kajian Syed Muhsin dan Azlini (2025) merumuskan faktor salah laku ini berlaku adalah disebabkan perasaan ingin mencuba, pengaruh rakan dan sosioekonomi keluarga yang rendah menyebabkan kurangnya pemantauan ibu bapa di samping remaja terpaksa mencari sumber pendapatan sendiri.

Antara kajian yang tertumpu kepada pelatih juvana adalah Laila & Nazirah (2020) yang mengkaji sejauhmana hubungan kakitangan-pelatih menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelatih. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kakitangan-pelatih dan tingkah laku agresif pelatih juvana. Semakin rendah atau negatif hubungan kakitangan-pelatih, maka tingkah laku agresif menjadi lebih tinggi.

Kajian Hassan dan Ibrahim (2021) turut menekankan kepada aspek kestabilan pengurusan di pusat pemulihan dalam menyumbang kepada kesejahteraan pelatih juvana. Hasil kajian mendapati majoriti pelatih juvana berpandangan kestabilan pengurusan di pusat pemulihan berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, lebih daripada separuh responden kajian bersetuju bahawa kemudahan di pusat pemulihan berada dalam keadaan teratur dan terkawal.

Selain itu, kajian Intan et al. (2024) mengetengahkan empat prospek penambahbaikan sistem keadilan juvana di Malaysia serta cabaran yang mungkin dihadapi. Empat prospek yang dinyatakan adalah penglibatan mangsa jenayah dalam proses pengadilan, penglibatan ahli komuniti dalam proses keadilan, penglibatan yang aktif dan menyeluruh oleh ahli keluarga serta penekanan terhadap jagaan susulan. Terdapat juga pengkaji yang meneliti perspektif pelatih juvana berkaitan program pemulihan yang dijalani seperti kajian Noor Azizah et al. (2024) ke atas enam orang informan kajian di salah sebuah Sekolah Tunas Bakti di Malaysia. Dapatan merumuskan bahawa semua informan menyatakan mereka tertarik dan gembira mengikuti Program Keagamaan dan Program Kemahiran Latihan Vokasional. Namun, terdapat informan kajian memaklumkan pelaksanaan Program Bimbingan dan Kaunseling agak kurang menyeronokkan kerana mereka hanya mendengar tanpa ada aktiviti yang perlu dilakukan.

## 2. Peranan Kaunselor

Sebagai kaunselor, mereka telah mendapatkan pendidikan dan latihan berkaitan pelbagai teori, teknik dan pendekatan kaunseling bagi membantu individu mencapai kesejahteraan diri, emosi, sosial, akademik dan kerjaya. Kajian Abdullah dan Ahmad (2024) menjelaskan antara pendekatan kaunselor dalam menangani tingkah laku buli di sekolah adalah melakukan pemerhatian rutin terhadap tingkah laku pelajar membuli dan mengenal pasti tanda-tanda awal buli, membantu pelajar membangunkan resiliensi atau daya tahan terhadap cabaran, mempromosikan perubahan positif dalam komuniti sekolah melalui pelbagai strategi yang menyeluruh serta menjalankan kerjasama antara pelbagai badan profesional dan organisasi untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat.

Kajian Johari et al. (2019) ke atas kaunselor yang mengendalikan masalah ponteng sekolah pula merumuskan terdapat dua peranan yang dimainkan oleh mereka iaitu mengambil tindakan berdasarkan prosedur sekolah dan menjalankan pelbagai intervensi seperti seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan program kaunseling bersama komuniti sekolah. Selain itu, kajian Ummur Raudhiah et al. (2019) mendapati kaunseling kelompok, melukis, menjawab senarai semak kestabilan emosi dan aktiviti menggunakan belon memberi impak yang positif dalam membantu remaja perempuan mengurus dan mengawal emosi sendiri. Ini kerana kaunseling kelompok

mempunyai elemen terapeutik yang meningkatkan keberkesannya dalam meningkatkan kesejahteraan sendiri. Kajian Abdul Rashid et al. (2023) menyenaraikan lima faktor utama terapeutik yang membawa kepada kesejahteraan diri termasuklah sikap altruisme dan membantu, kemahiran insaniah, katarsis jiwa, kejeleketan kelompok dan pengkayaan maklumat serta nilai.

### 3. Program Pemulihan Pelatih Juvana

Meskipun para pelatih juvana di pusat pemulihan sedang menjalani proses tahanan, hak mereka mendapatkan pendidikan tidak terabai. Kajian Mochammad Sahid et al. (2024) membuktikan bahawa para pelatih disediakan empat pengkhususan pendidikan yang bersesuaian dengan minat dan tahap pesalah iaitu kelas akademik, kelas kemahiran, kelas sukan, kelas agama dan kelas kebudayaan.

Melalui kajian Nurul Husna & Khairul Hamimah (2017), pemulihan berasaskan pembangunan fizikal dan sosial, aktiviti seperti rekreasi, riadah, senamrobik, sukan, gotong-royong dan kawad kaki juga menjadi salah satu platform yang penting dalam proses pemulihan akhlak pelatih bertujuan membantu pelatih merehatkan minda, melahirkan tubuh badan serta akal yang cerdas, malah mampu menyemai akhlak mulia dalam diri pelatih. Kajian Nazneen et al. (2016) pula mendapati program berbentuk keagamaan memberi impak yang positif dari aspek akidah, ibadah serta akhlak pelatih di pusat pemulihan. Program agama yang dijalankan menjadi sebahagian cara untuk mencapai perubahan diri. Di samping itu, ia mampu mendorong pelatih menjadi lebih baik, membantu mereka mengawal sikap negatif, iaitu cepat marah dan terus beristiqamah dalam memperbaiki diri.

Manakala kajian seterusnya oleh Siti Marziah dan Afifah (2017) juga turut memfokuskan kesan yang diperolehi oleh pelatih juvana melalui program agama, iaitu mengkaji aktiviti berteraskan agama dan kesannya terhadap diri pelatih juvana. Dapatan kajian mereka menyatakan aktiviti berteraskan agama seperti solat, berpuasa, membaca Al-Quran telah berupaya merubah diri pelatih menjadi insan lebih baik, berasa sama untuk tidak mengulangi kesalahan dan terus bertingkah laku baik. Dapatan yang sama juga ditemui dalam kajian Abu Bakar et al. (2020) yang menunjukkan bahawa amalan pelaksanaan ganjaran dan hukuman serta program agama menghasilkan perubahan nilai dan tingkah laku para pelatih juvana.

Meskipun kajian-kajian ini menunjukkan keberkesanan pendekatan dalam memulihkan akhlak para pelatih, kajian Hezzrin et al. (2023) mendapati tahap kemahiran pelaksana pemulihan akhlak juvana berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan para pelaksana masih memerlukan input-input tentang kemahiran pemulihan akhlak secara berterusan khususnya dari aspek komunikasi dan penyelesaian masalah.

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan yang diaplikasikan kaunselor dalam pemulihan akhlak pelatih.

### 3.0 Kaedah Pembangunan Akhlak Menurut Islam

Dalam perbincangan ilmu psikospiritual Islam, akhlak adalah elemen yang berperanan menentukan sebahagian besar diri, personaliti dan konsistensi motivasi diri remaja. Ia

terbentuk secara tabiat dalam jiwa dan menjadi entiti yang sangat kukuh dan sukar diubah. Pembentukannya melibatkan hubungan interaksi dengan potensi dalaman manusia serta elemen-elemen persekitaran yang wujud dalam konteks sosial seseorang individu (Shahidah et al., 2021). Malah, pembentukan akhlak mulia termasuk salah satu daripada matlamat pendidikan menurut Islam yang melibatkan pelbagai elemen seperti ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan persekitaran (Ramly & Masnan, 2023).

### 1. Pendidikan psikologi

Pendidikan psikologi adalah proses mendidik anak bermula usia mumaiyiz supaya bersifat berani, selalu berkata benar, berkeyakinan, tidak pengecut, suka berbuat baik kepada orang lain, dapat menahan marah, melengkapkan diri mereka dengan semua sifat-sifat mulia sama ada berkaitan akhlak ataupun psikologi mereka. Kepentingan pendidikan melalui psikologi ini dapat melengkapkan diri anak tersebut menjadi seorang manusia yang mempunyai akal yang matang, pemikiran yang sihat, tindakan yang wajar serta bercita-cita tinggi (Siti Nurjanah et al., 2019).

### 2. Pendidikan kerohanian

Pendidikan kerohanian bermaksud proses, usaha merawat dan menjaga roh agar tetap dalam fitrah. Ia juga didefinisikan sebagai perpindahan dari jiwa yang belum bersih kepada jiwa yang bersih, dari akal yang belum *syar'i* (tunduk pada syariat) menuju akal yang *syar'i*, dari hati yang kafir, munafik, fasik, sakit dan keras menuju hati yang lembut dan selamat, dari roh yang terusir dari pintu Allah, yang belum bergerak untuk menghambakannya kepada-Nya menuju roh yang mengenal Allah dan menghamba pada-Nya dan dari jasad, badan yang belum berdisiplin dengan syariat kepada tubuh yang disiplin menjalankan syariat Allah SWT (Kamil et al., 2021).

Kajian Shohana (2023) ke atas manuskrip *Hidayah al-Salikin* mendapati terdapat empat pendekatan utama dalam mendidik rohani manusia iaitu pendekatan '*Ilmiyyah* (ilmu), pendekatan '*Imaniyyah* (iman), pendekatan '*Islamiyyah* (Islam) dan pendekatan '*Ihsaniyyah* (ihsan). Kaedah ilmu merupakan peringkat pertama dengan maksud menuntut ilmu sampai ke tahap *haqq al-yaqin* iaitu penghayatan teori mencakupi ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Kaedah kedua iaitu pendekatan iman bermaksud keyakinan dan pegangan akidah yang kuat kepada insan melalui Rukun Iman. Bagi mengukuhkan pegangan akidah, pendekatan Islam diaplikasikan melalui penekanan aspek ibadah terutamanya zikir. Dalam pada itu, pendekatan '*Ihsaniyyah* turut disuburkan dalam jiwa insan yang beriman dan beramal bagi mencapai tahap kerohanian tertinggi, makrifat Allah SWT.

### 3. Pendidikan sosial

Faktor persekitaran sosial berperanan signifikan dalam mempengaruhi serta menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku individu melalui pelbagai bentuk pembelajaran sosial. Persekitaran sosial yang dimaksudkan merangkumi elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat, serta elemen bukan kemanusiaan, seperti pengaruh media yang diakses individu sepanjang kehidupannya (Zakaria et al., 2012).

Rasulullah SAW turut menekankan kepentingan pengaruh persekitaran sosial terhadap pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menjelaskan keperluan individu untuk meneliti dengan siapa mereka bergaul dalam kehidupan seharian, kerana interaksi tersebut memberi kesan langsung terhadap pembentukan peribadi. Pandangan ini selari dengan penegasan Imam al-Ghazali yang menganggap pergaulan dengan golongan soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah utama dalam membentuk akhlak mulia. Hal ini demikian kerana fitrah manusia bersifat meniru, yang memungkinkan seseorang memperoleh sifat baik mahupun buruk daripada individu lain di sekelilingnya (Zakaria et al., 2012).

Dalam teori ekologi persekitaran Ibn Khaldun, terdapat tiga elemen utama yang mempengaruhi perkembangan individu iaitu aktiviti, teladan dan amalan. Pelaksanaan aktiviti yang terancang daripada pihak pentadbiran sekolah mampu mewujudkan iklim dini yang baik. Teladan pula merupakan satu metode yang berkesan dan paling meyakinkan keberhasilannya dalam mempersiapkan dan membentuk anak didik dalam didikan moral, spiritual dan sosial. Seterusnya, amalan yang disusun atur dengan baik penting bagi tujuan pembentukan tabiat (Raihan, 2020).

Sehubungan itu, persekitaran yang kondusif amat diperlukan bagi melahirkan akhlak yang terpuji, sementara pembentukan akhlak yang baik pula bergantung kepada keupayaan individu memerhati, menilai dan meneladani faktor persekitaran yang mempengaruhi corak kehidupannya.

#### **4.0 Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Instrumen kajian ini ialah protokol temu bual. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam dengan seorang kaunselor yang bertugas di salah sebuah sekolah juvana bagi mendapatkan maklumat dan data perihal pendekatan yang digunakan dalam pemulihan akhlak pelatih di sekolah tersebut. Protokol temu bual telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan daripada pakar dalam bidang dakwah dan pembangunan insan. Data dikumpul setelah mendapat persetujuan daripada Jabatan Penjara Malaysia dan sesi temu bual dijalankan secara atas talian dengan kaunselor yang berkhidmat di sekolah juvana. Hasil temu bual telah ditranskrip secara verbatim dan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti kategori, tema dan sub tema yang menjawab persoalan kajian.

#### **5.0 Dapatan dan perbincangan**

Hasil temu bual mendapati terdapat tiga pendekatan utama yang diterapkan oleh kaunselor dalam memulihkan akhlak pelatih juvana iaitu pendekatan psikologi, pendekatan kerohanian serta pendekatan sosial dan empati.

##### **1. Pendekatan psikologi**

Pendekatan psikologi berfokus kepada aspek mental dan emosi individu untuk memahami dan mengubah tingkah laku. Kaedah-kaedah ini tidak hanya berhasrat untuk mengubah tingkah laku di permukaan, tetapi untuk menggali punca-punca masalah dari dalaman diri pelatih. Maka, langkah awal yang dilakukan oleh kaunselor dalam mengenal pelatih adalah ujian psikologi. Ia merupakan alat diagnostik utama dalam bidang

psikologi untuk menilai personaliti, kecenderungan dan masalah mental bagi membantu kaunselor merangka pelan intervensi dengan lebih tepat. Menurut peserta kajian;

*“Pertamanya bila mereka ini baru masuk ke institusi, kami akan mengadakan ujian psikologi. Tujuan kami menggunakan pendekatan ini adalah untuk memastikan adakah tahap emosi mereka di tahap yang normal ataupun memerlukan intervensi ataupun bantuan-bantuan yang sewajarnya.”* (TB/PK/1/9-11)

Ini kerana ujian psikologi merupakan satu indikator untuk mengukur secara lebih holistik dalam mendapatkan gambaran awal atau saringan terhadap status emosi para pelatih.

*“Ujian awalan ini membantu kita untuk mengesan sebab kadang-kadang kita tak dapat melihat melalui justifikasi bahasa badan dan bahasa lisan. Kadang-kadang semua perkara ini bermain di dalam tulisan.”* (TB/PK/1/13-15)

Selain itu, kaunselor didapati menggunakan terapi ekspresif melibatkan pelbagai instrumen seperti *storytelling*, tayangan video, melukis, mewarna dan terapi muzik. Menurut beliau:

*“Anak-anak remaja kita tak boleh nak bercakap sahaja nanti dia bosan, jadi kita bagi aktiviti, dalam aktiviti ada pengajaran, ada pendidikan. Kita ajak mereka berlakon dalam kita punya sesi. Dalam tu ada story telling, nanti saya yang ceritakan kepada mereka. Mungkin ada juga hikmah daripada kisah para nabi. Bagi mereka yang bukan beragama Islam kita akan ambil moral story dalam kehidupan manusia-manusia yang mungkin mereka kenal, yang real, mungkin kita akan amik video kita akan tayangkan kepada mereka. Bagaimana kepayahan tokoh-tokoh ini harungi cabaran. Jadi mereka akan ambil pengajaran daripada contoh-contoh video yang kita tayangkan.”* (TB/PK/3/105-112)

Semasa sesi ini, para pelatih akan dilibatkan dengan cara meminta mereka untuk berlakon sambil kaunselor menyampaikan penceritaan. Di akhir sesi, pengajaran dan iktibar kisah akan dibincangkan secara bersama-sama. Pendekatan ini secara tidak langsung mendidik para pelatih untuk bertenang dan menilai semula masalah serta cabaran hidup secara saksama supaya jalan penyelesaian boleh diperolehi dengan bantuan daripada orang sekeliling khususnya para profesional. Ini berdasarkan kenyataan peserta kajian;

*“Jadi dalam pendekatan ini kita ajak adik-adik kita bertenang, untuk melihat setiap masalah, cabaran, ujian hidup secara objektif dan kita selesaikan satu per satu dan dengan pertolongan dan bantuan mereka-mereka yang professional.”* (TB/PK/2/89-91)

Seterusnya, kaunselor juga mengaplikasikan kaedah melukis dan mewarna yang juga disebut sebagai *art therapy*. Ini bagi membantu para pelatih meluahkan perasaan atau emosi tanpa perlu berkata-kata. Kaedah ini juga merupakan salah satu bentuk terapi seni dalam kaunseling yang membolehkan kaunselor menafsirkan perasaan klien melalui lukisan dan pemilihan warna. Menurut peserta kajian:

*“Kita ajak diorang melukis, mewarna. Tak payah bercakap apa-apa. Simpan perkataan itu. Kita just zahirkan melalui warna dan lukisan. Lama-lama mereka akan dapat release melalui lukisan. Mereka sendiri akan berkata-kata. Dekat situ kita akan buka pintu, yang selama ini telah menampung banyak tekanan dan kesengsaraan pada mereka, benda tu keluar sikit lama-lama jadi lapang balik. Dan bila lapang pula kat situ lah mereka mula boleh berkongsi, mulalah sesi muhasabah.” (TB/PK/3/119-124)*

Terapi seni merupakan bentuk psikoterapi yang digunakan untuk menggalakkan klien meluahkan perasaan dan konflik dalam diri mereka melalui medium seni. Ia merupakan proses yang dinamik kerana proses rawatan dan pemulihan dapat dilakukan semasa klien menghasilkan karya seni kreatif. Kreatif bukan sahaja melibatkan kebolehan klien dalam menghasilkan sesuatu karya yang unik tetapi juga merangkumi aspek spontan, berani mencuba serta originaliti dalam meluahkan permasalahan diri melalui ekspresi seni. Terapi seni lukisan juga merupakan medium untuk meluahkan perasaan yang terpendam dan mampu membentuk komunikasi lebih berkesan antara kaunselor dan klien (Jeffery et al., 2020)

Di samping itu, kaunselor juga menggunakan terapi muzik dalam membantu pelatih mengendalikan emosi mereka. Menurut beliau:

*“Kadang-kadang kita buat juga terapi muzik. Kalau dah berat sangat dah bercakap tak boleh, mewarna tak boleh, main game tak boleh, jammed. Jadi, contohnya kita buka lagu. Kita buka lagu relax. Sometimes one or two days dia boleh bercakap.” (TB/PK/3/125-127)*

Terapi muzik bertujuan untuk menenangkan emosi pelatih supaya mereka bersedia untuk membina hubungan dengan kaunselor. Pembinaan hubungan bertujuan memudahkan sesi intervensi dijalankan oleh kaunselor dalam membantu pelatih untuk meneroka diri dan masalah yang dihadapi seterusnya mencari penyelesaian. Ini dinyatakan oleh kaunselor:

*“Bila kita dapat buka muzik, duduk santai, tenung, ada juga yang sampai tertidur, baguslah kan? Kita jadi relax. Bila bangun, dia sedar, nak balik tu diorang pandang je saya, diorang cakap terima kasih Encik, bolehkah kita berjumpa lagi? Ha itu yang kita nak! Saya cakap boleh, nanti kita dengar lagu lagi. Diorang cakap oh tak, saya nak cerita sikit. Ha see? Dia dah lega, dia dah lapang, dia dah relax. The main point is, kita nak dia relax” (TB/PK/3/129-135)*

Tumpuan diberikan kepada aspek emosi kerana para pelatih juvana terdiri daripada kalangan remaja yang berhadapan dengan tekanan emosi akibat daripada perubahan ketara pada tahap motivasi, pemikiran dan emosi. Justeru, kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh kaunselor pusat pemulihan ini membantu para pelatih menstruktur emosi dan pemikiran mereka dengan betul dengan memperbaiki sebarang bentuk emosi negatif dan pemikiran yang salah, menanamkan sifat yakin dan berani serta membangunkan matlamat kehidupan yang jelas seterusnya memotivasikan mereka untuk membangunkan diri sendiri (Shahidah et al., 2021).

## 2. Pendidikan kerohanian

Pendidikan rohani berfungsi mengembangkan segala potensi rohani insan bagi membentuk perilaku dan sikap terpuji yang diterjemahkan melalui penampilan keperibadian sempurna (insan kamil). Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan kerohanian berasaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Shohana, 2023). Secara tidak langsung, dimensi kerohanian difahami sebagai sesuatu yang selaras dengan keperluan manusia kepada agama. Antara pendekatan kerohanian yang diterapkan oleh kaunselor ialah amalan zikir. Beliau turut mengakui pendekatan kerohanian melalui amalan zikir mampu membantu ke arah pemulihan serta memberi kesan positif terhadap perkembangan sikap dan akhlak pelatih. Beliau berpandangan zikir berfungsi sebagai suatu bentuk ingatan dan doa bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menurutnya;

*“Pandangan saya secara peribadi ya, saya kata (zikir) mampu membantu ke arah pemulihan akhlak anak-anak kita kerana bila mereka berzikir secara sedar atau tidak, ianya merupakan suatu doa.” (TB/PK/4/160-162)*

*“Dengan adanya zikir, Insyaallah akan melatih diri kita untuk lebih konstruktif dalam tindakan-tindakan pada masa akan datang. Dari sudut agama ianya merupakan suatu doa kan. Jadi doa benda yang baik, akan datang benda yang baik. Jadi ianya memang amat berkesan.” (TB/PK/4/165-171)*

Kenyataan tersebut disokong dengan dapatan Mohammad Fahmi (2019) yang menyatakan zikir merupakan metod utama kerohanian untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui amalan dan tindakannya berfungsi sebagai cara untuk menempatkan jiwa di sisi-Nya supaya menjadi manusia yang beriman. Perkara ini dilihat melalui perubahan tingkah laku dalam kalangan pelatih ke arah yang lebih positif. Menurut kaunselor;

*“Ya, amalan zikir ini memang berkesan. Kenapa saya cakap begitu sebab saya dapat lihat, bila adik-adik ni masuk, kita ada buat ujian psikologi, kita dapat lihat mereka masa mula-mula masuk dulu macam mana. Tapi bila dah lama, mereka dah lalui program-program pemulihan, lepastu kita dapat melihat perkembangan perubahan sikap dan akhlak mereka. Cara bercakap, cara mereka bertingkah laku, ada perkembangan positif. Jadi tu yang saya cakap mungkin kita tak perasan bahawa inilah amalan-amalan yang berlaku dalam proses perubahan mereka.” (TB/PK/4/179-185)*

Melalui zikir, hubungan para pelatih dengan Allah SWT dapat dipertingkatkan. Keimanan kepada Allah SWT ini menjadikan seseorang lebih kuat semangat, berdaya tahan dan kekal tenang dalam menghadapi ujian hidup. Individu yang sentiasa melazimi zikir juga akan terdorong untuk berakhlak mulia. Ini seperti pandangan kaunselor;

*“Ini juga pada saya lah penting sangat kerana dia mendekatkan diri kita kepada pencipta kita. Jadi bila hubungan kita dekat dengan Allah, Insyaallah kita akan lebih kuat, kita akan lebih tabah dan kita akan lebih tenang dalam mengharungi cabaran dalam kehidupan yang ada kalanya memang kita nak tanggung pun rasa tak tertanggung. Tetapi kalau kita ada tuhan, Insyaallah adik-adik ini dia akan lebih kompeten dalam mendepani cabaran-cabaran yang ada Insyaallah. Kerohanian ni penting. Ya saya setuju Insyaallah ianya membantu dalam pembentukan akhlak yang lebih baik.” (TB/PK/4/185-192)*

Amalan zikir merupakan satu kaedah yang ditekankan oleh para ulama tasawuf dalam proses penyucian jiwa (*tazkiyyat al-nafs*). Zikir merupakan lambang penyaksian ketauhidan Allah SWT. Melaluinya, segala sifat kekejian hati (*mazmumah*) akan dihancurkan, manakala sifat-sifat kepujian hati (*mahmudah*) dibangunkan. Amalan zikir tidak berdiri sendiri melainkan ia perlu kepada pembinaan asas akidah yang benar, pemantapan ilmu yang bermanfaat melalui adab-adab ibadah yang asas, penyucian rohani dan jasmani dan diakhiri dengan pembinaan adab sosial yang lengkap (Shohana, 2023). Justeru, selain zikir kaunselor juga mengingatkan para pelatih khususnya yang beragama Islam berkaitan akidah dan ibadah. Manakala bagi pelatih yang bukan beragama Islam, kaedah nasihat dan motivasi berkaitan nilai moral diaplikasikan. Ini kerana secara universalnya, manusia berkongsi nilai kemanusiaan yang sama meskipun berbeza dari segi pegangan agama. Maka, kaunselor berpadangan nilai-nilai murni perlu ditekankan kepada para pelatih kerana ia terkait dengan hubungan dan kewajipan sesama manusia. Menurut kaunselor;

*“Contohnya kita tanya solat tu berapa kali sehari, dah solat ke belum, dalam solat tu ada bacaan apa, apa kebaikan solat dan seumpamanya lah. Bagi yang bukan beragama Islam, kita akan ambil pendekatan berkaitan nilai-nilai moral yang sesuai untuk kita teladani. Yang ateis ni mereka memang kita kongsi tentang motivasi, moral tu pun kita akan share juga, penghayatan kemanusiaan, penghayatan kebersamaan, logik begitulah.”* (TB/PK/5/194-199)

Bagi pelatih Muslim, kaitan kehidupan di dunia dengan akhirat juga diperingatkan supaya mereka sedar bahawa setiap perkara yang dikerjakan semasa hidup akan mendapat balasan setimpal di hari akhirat. Kaunselor menyatakan;

*“Saling mengingatkan tentang dosa pahala, saling mengingatkan halal haram, kita saling mengingatkan hari pembalasan dan juga mengingatkan hari-hari di mana kita diberikan kenikmatan di atas amalan-amalan soleh kita di dunia.”* (TB/PK/5/210-212)

Nilai kerohanian seperti keimanan kepada Allah dan hari akhirat ini merupakan salah satu elemen penting dalam memberikan motivasi kepada individu untuk bertingkah laku dan menentukan hala tuju tingkah laku tersebut. Motivasi juga mempengaruhi keputusan seseorang sama ada untuk meneruskan atau menghentikan sesuatu perbuatan bergantung kepada matlamat yang ingin dicapai (Shahidah et al., 2021). Keimanan kepada Allah SWT, malaikat, Rasul dan hari akhirat menjadi asas menggerakkan fitrah insan agar mengakui dan menyakini prinsip *rububiyah* dan *uluhiyyah* dalam setiap gerak laku dan tindakan. Kesedaran akan Allah SWT sebagai sumber pergantungan manusia ini perlu selari dengan kepercayaan terhadap peranan manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi supaya jati diri insan dioptimumkan dengan melaksanakan segala taklifan suruhan dan larangan Allah SWT iaitu ibadah (Shohana, 2023).

### 3. Pendidikan sosial dan empati

Elemen sosial amat penting dalam kehidupan kerana ia memberi kesan yang besar terhadap pelbagai aspek seperti tingkah laku, disiplin dan emosi. Penerapan nilai-nilai yang baik seperti kasih sayang, hormat menghormati, kegembiraan dan tanggungjawab

haruslah dipupuk dalam suasana sekolah supaya pelajar berasa gembira seterusnya menghayati nilai-nilai murni yang diterapkan. Perancangan dan pengendalian aktiviti yang jelas dan sistematik perlu diambil kira dalam memberikan hasil yang baik. Objektif utama pencapaian harus ditonjolkan agar pelajar mengetahui dengan jelas apa yang seharusnya dilakukan. Penglibatan dalam aktiviti sosial, komunikasi dan kerjasama amat penting dalam membentuk jati diri warganya (Raihan, 2020).

Atas kepentingan ini, kaunselor memberi perhatian terhadap kemahiran sosial dalam kalangan pelatih. Ia bertujuan untuk menyediakan para pelatih agar mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran, budaya dan persepsi sosial masyarakat apabila mereka telah keluar daripada pusat pemulihan kelak. Tambahan pula, pendekatan sosial merupakan sebahagian daripada pendidikan akhlak yang perlu kepada kepedulian sosial dan rasa empati sesama manusia (Eva, 2017). Peserta kajian menjelaskan:

*“Satu hari nanti, adik-adik ni akan dikembalikan kepada masyarakat dan mereka akan bersama dengan sosial.” (TB/PK/5/239-240)*

Antara bentuk pendekatan sosial yang penting adalah sikap sabar dalam menghadapi karenah masyarakat. Keupayaan diri mengendalikan emosi merupakan salah satu bentuk daripada kecerdasan emosi yang ditunjangi oleh penghayatan agama dan rasional akal. Kaunselor menyatakan;

*“Di situ lah kemahiran sosial bila berhadapan dengan masyarakat mesti ada elemen agama yang diterapkan. So kita kena bersabar. Kalau kita bersabar Allah bersama kita.” (TB/PK/6/269-271)*

*“Kemahiran sosial penting sebab mendekatkan diri kita pada sosial. Bukan hanya kita lihat bagaimana mereka mengubah sosial, tetapi kita nak mereka ada kekuatan bila berhadapan dengan sosial.” (TB/PK/6/285-287)*

*“Kemas persepsi kita, cara pemikiran kita, cara kita nak berhadapan dengan cabaran-cabaran di depan. Yang penting, apa yang kita lakukan, melambangkan akhlak kita.” (TB/PK/6/276-278)*

Kepentingan pengendalian emosi dalam hidup bermasyarakat ini turut dibuktikan dalam kajian Jayazino dan Dasan (2024) yang menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi. Faktor luaran seperti jaringan sosial, bimbingan agama dan sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan pelajar mengawal emosi mereka. Dalam kajian tersebut, elemen kerohanian seperti keyakinan terhadap qada' dan qadar, serta amalan ibadah harian turut dikenal pasti sebagai faktor pelengkap kepada kecerdasan emosi.

Selain itu, pelatih juga diajar untuk membezakan antara perkara yang boleh dikawal dan yang tidak boleh dikawal. Ia adalah salah satu cara membangunkan rasa menghargai diri dalam diri para pelatih. Menurut kaunselor;

*“Kita nak terapkan dalam diri adik-adik untuk ada prinsip hidup untuk pendirian hidup dan untuk menghargai hidup. Insyaallah kalau kita fikirkan juga layanan orang ke apa,*

*layan orang kata apa, hidup kita tak ke mana. Bila kita refleks balik, kemahiran sosial kita akan meningkat.” (TB/PK/6/279-282)*

Interaksi sosial menjadi elemen yang sangat penting kerana kehidupan di dunia mempertemukan manusia dengan pelbagai latar belakang, nilai, dan personaliti. Jika tidak dikawal dengan baik, perbezaan ini boleh mencetuskan tekanan emosi. Namun, sekiranya individu mengamalkan prinsip akhlak Islam dalam pergaulan seperti bersangka baik, memberi salam, menegur secara hikmah dan saling membantu mereka akan membina persekitaran yang menyokong kestabilan mental dan kesejahteraan rohani. Silaturrahim dan berbuat baik kepada orang lain adalah kunci kepada ketenangan jiwa (al-Ghazali, 1998).

Antara bentuk pendekatan sosial yang diberikan penekanan adalah pembangunan sifat empati kerana ia mempunyai hubungan langsung dengan silaturrahim. Sifat ini membolehkan seseorang mengetahui dan merasai apa yang dirasakan oleh orang lain (Eva, 2017). Menurut kaunselor;

*“Empati ni penting. Dia akan lebih bertimbang rasa, dia akan lebih berfikir tentang orang lain, jaga kemuliaan, jaga kebaikan dan dia tidak mudah terburu, tidak mudah bersifat selfish. Dan mereka lebih cakna tentang kepentingan memelihara hubungan sesama manusia dan ahli keluarga.” (TB/PK/6/289-292)*

*“Empati ni bukan fikir pasal orang lain juga, empati ni fikir pasal diri kita sendiri. Maknanya, kita kena bersabar dengan diri, kita kena maafkan diri. Mulakan sedikit demi sedikit bersabar dalam proses pemulihan.” (TB/PK/6/294-296)*

Sifat empati boleh dibentuk melalui beberapa faktor merangkumi faktor luaran seperti sosial, situasi dan tempat, pola asuh, hubungan dan keadaan sosial ekonomi, komunikasi dan bahasa dan faktor dalaman seperti gender, perilaku, kognitif dan keperibadian. Sifat ini mempunyai hubungan dengan tingkah laku prososial iaitu tingkah laku yang dilakukan bertujuan membantu orang lain. Tingkah laku ini merangkumi tindakan berkongsi, kerjasama, menolong, kejujuran, dermawan, mempertimbangkan hak dan kesejahteraan orang lain (Asri, 2023).

## **6.0 Kesimpulan**

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti tiga pendekatan utama yang digunakan oleh kaunselor dalam memulihkan akhlak pelatih juvana, iaitu pendekatan psikologi, kerohanian, dan sosial serta empati. Pendekatan psikologi berfokus pada aspek mental dan emosi dengan menggunakan ujian diagnostik dan terapi ekspresif untuk membantu pelatih memahami dan mengubah tingkah laku mereka dari dalaman. Seterusnya, pendekatan kerohanian yang menekankan amalan zikir dan nilai-nilai keagamaan berfungsi sebagai sumber kekuatan dan ketenangan, yang memberikan kesan positif terhadap perkembangan sikap dan akhlak pelatih. Akhir sekali, pendekatan sosial dan empati mempersiapkan pelatih untuk kembali berhadapan dengan masyarakat dengan melatih kemahiran sosial dan membangunkan sifat timbang rasa serta keupayaan mengendalikan diri. Ketiga-tiga pendekatan ini membuktikan kepentingan peranan kaunselor sebagai individu yang bertanggungjawab dalam mengubah pemikiran dan tingkah laku pelatih ke arah yang lebih baik. Ia direalisasikan melalui gabungan pelbagai

pendekatan bagi tujuan menghasilkan peribadi yang seimbang dari segi jasmani, psikologi, sosial dan rohani. Justeru, kajian yang lebih meluas dan mendalam dicadangkan bagi mendapatkan gambaran keseluruhan berkaitan perspektif kaunselor pusat pemulihan juvana terhadap kaedah pemulihan akhlak pelatih. Ini membolehkan satu kerangka atau modul khusus berkaitan pemulihan akhlak pelatih juvana dibentuk secara menyeluruh dan relevan dalam konteks semasa.

## 7.0 Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Jabatan Penjara Malaysia atas keizinan menjalankan kajian ini serta kerjasama baik yang diberikan oleh kaunselor bagi mendapatkan data kajian.

## Rujukan

- Abdul Rashid, A.A., Muhammad Nubli, A.W, Mohd Ropizam, M.Z., Nor Hamizah, A.R., Norizan, Y. & Rezki Perdani, S. 2023. Faktor terapeutik kaunseling kelompok dalam meningkatkan kesejahteraan sendiri. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 8(2): 90 – 98. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i2.9345>
- Abdullah, S. S., & Ahmad, N. 2024. Pendekatan kaunselor dalam mengendalikan tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(Isu Khas 3): 43–57. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.5.2024>
- Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., Abd Wahab, N., Abdullah, N., & Md Zalli, M.M. 2020. Resosialisasi juvana dan perubahan tingkah laku. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 3 (12): 35-52.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Asri, R. 2023. Hubungan empati dengan perilaku prososial mahasiswa Program Studi Bimbingan dan Konseling Universitas Jambi. Skripsi Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Jambi.
- Eva, N.T. 2017. Pengaruh empati terhadap kepedulian sosial pada remaja. Master Tesis: Universitas Muhammadiyah Malang.
- Hassan, N., & Ibrahim, F. 2021. Consistency in organization and the impact on the wellbeing of young offenders in correctional facilities. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(3): 19–25.
- Hezzrin, M.P, , Nor Jana, S. Norulhuda, S.N. & Mohammad Rahim, K. 2023. Kemahiran Pemulihan Akhlak Pelaksana Pemulihan Akhlak Juvana di Malaysia. *Akademika* 93(2): 17-27
- Intan Nooraini, H.Z., Taufik, M. & Azlinda, A. 2024. Sistem keadilan juvana di Malaysia: Empat prospek penambahbaikan. *Kajian Malaysia* 42(1): 209–239. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>

- Jayazino, N. A. M. & Dasan, N. 2024. Hubungan sokongan sosial dan kecerdasan emosi: Perspektif pelajar psikologi di UMS. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial* 8(2): 226–233.
- Jeffery, A., Dharatun Nissa, F.M.K & Salleh, A. 2020. Persepsi dan faktor pendorong aplikasi terapi seni dalam kalangan kaunselor pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45 (1) Isu Khas (2020): 43-50. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-06>
- Johari, S. H., Karim, D. N. F. M., Akhwan, S. N. A., Nabila, R., & Apdal, J. (2019). Peranan kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (32): 367-378. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4320031>
- Kamil, I., Hafidhuddin, D., Mujahidin, E., & Tamam, A. M. 2021. Konsep tarbiyyah ruhiyyah Abu Al-Hasan Ali Al-Nadwi. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam* 10(2): 272–289. <https://doi.org/10.32832/tadibuna.v10i2.4317>
- Laila, N. & Nazirah, H. 2020. Hubungan kakitangan-pelatih dan tingkah laku agresif: Satu kajian tinjauan di sebuah institusi pemulihan juvena. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(2): 1-12.
- Mochammad Sahid, M., Samsudin, T., Nik Wajis, N. R., & Baharli, N. S. 2024. Hak terhadap pendidikan bagi pesalah kanak-kanak: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12(3): 609-619. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no3.447>
- Mohamed Sharif, M., Roslee, A. & Sulaiman, S.M.N. 2003. Kemahiran asas seorang kaunselor. Kertas kerja. Seminar Antarabangsa Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS), 14-15 Jun 2003.
- Mohammad Fahmi, A.H. 2019. Analisis hadith mengenai zikir dalam al-kutub al-sittah: Pengamalan dalam majlis zikir tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya
- Mohd Subhan, Salleh Amat & Wan Syarmiella. 2014. Isu profesionalisme kaunselor dalam perkhidmatan kaunseling sekolah. International Conference on Global Educational Transformation towards a Developed Country.
- Nazneen, I. Nurzatil Ismah, A., Sahlawati, A.B., Zanariah, D. & Nurul Husna, M.J. 2016. Persepsi pelatih terhadap kaedah pemulihan di pusat perlindungan. Dlm. International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016: 139-141.
- Nik Hasnaa, N.M., Maslin. M., Wan Normeza, W.Z. 2017. Jenayah dan juvena: Pengalaman sebenar. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPPS)* 13(1): 14-28.
- Noor Azizah, A., Nabisah, I. & Aina Nasiha, M.M. 2024. Meneliti perspektif pelatih tentang program-program pemulihan di Sekolah Tunas Bakti. *Malaysian Journal of*

*Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(7): 1-13.  
e002832. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2832>

- Nurul Husna, M. & Khairul Hamimah, M.J. 2020. Program pemulihan akhlak remaja bermasalah: Kajian terhadap pengalaman pelatih di pusat perlindungan terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 (2): 220-222
- Raihan, M.A. 2020. Pengintegrasian teori ekologi persekitaran dalam mendepani revolusi pendidikan 4.0. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 135-149. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.458>
- Ramly & Masnan. 2023. Pembentukan akhlak kanak-kanak berdasarkan akhlak nabi dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). *ANP Journal of Social Sciences and Humanities* 4 (2): 41-50. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v4i2.6.2023>
- Shahidah, Sharifah Basirah & Mohd Syukri. 2021. Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi, *Afkar* 23 (2): 405-444
- Shohana, H. 2023. Kaedah Pendidikan Kerohanian Insan dalam Manuskrip Hidayah al-Salikin. *Sains Insani* 8 (1): 64-70
- Siti Marziah, Z. & Nur Afifah, Z. 2017. Pengalaman remaja di rumah perlindungan dan perubahan dalam makna hidup. *Journal of Social Sciences And Humanities*, Special Issue 3 (2017): 1-11.
- Siti Nurjanah, M.M., Muhammad Talhah, A., Ajmain, S. 2019. Pendidikan anak-anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. Kertas kerja. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*, 25 & 26 September.
- Stickel, S.A., Satchwell, K.M., & Meyer, E.C. 1991. The school counselor and discipline: A three state survey. *The School Counselor* 39: 111 – 115.
- Syed Bidin, S.N.B. & Mohd Yusoff, Z. 2008. Perubahan personaliti kesan uslub *tabshir* dan *indhar*: Kajian Kes di Sekolah Henry Gurney (SHG). *Jurnal Usuluddin* 27: 41-59.
- Syed Muhsin, S. S., & Azlini, C. 2025. Faktor penglibatan remaja dalam jenayah juvana: Kajian di Asrama Akhlak Rusila Marang Terengganu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39): 230-245. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.1039015>
- Ummur Radhiah Hussin, Zuria Mahmud, Siti Suria Bahrudin, Siti Noraisah Mokhtar, & Siti Rokiah Tharin. 2019. Pendekatan kaunseling kelompok untuk menguruskan emosi dalam kalangan remaja perempuan sekolah agama. *Southeast Asia Psychology Journal* 7 (7): 106- 115

Zakaria, S., Ahmad Munawar, I. & Noranizah, Y. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari* Special Edition, 155-172. [https://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862\\_155-172.pdf](https://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862_155-172.pdf)